

"SHEIKH GOOGLE"

MENAMBAH ILMU ATAU MAKIN KELIRU?

Ada apa dengan google?

Google adalah antara search engine popular yang menjadi medium paling efektif memenuhi keperluan manusia mencari informasi. Sebenarnya selain google, antara aplikasi lain yang berfungsi sebagai search engine adalah Yahoo!, Bing, Yandex dan lain-lain lagi.

Namun, dek kepopularan google, seringkali apabila maklumat penting tidak dapat diperolehi dari sumber bahan bercetak, cadangan yang acap kali kedengaran adalah, 'ala, kau google je, ada la apa yang kau nak cari tu.' Ungkapan Mr Google, Pak Cik Google, bahkan Sheikh Google seringkali menjadi di bibir netizen, walaupun mereka menggunakan aplikasi search engine yang lain.

Hakikatnya, apa sahaja yang berkaitan dengan kehidupan seharian manusia seperti mesraikan, bersenang, melancong, berniaga, bertani dan lain-lain aktiviti, semuanya mampu diperolehi sumbernya hanya dengan meneroka beberapa kata kunci di mesin carian google.

Dahulunya, mereka yang ingin melancong ke lokasi yang asing di luar negara, pasti akan terpinga-pinga peringalangan sekiranya tiada pemandu pelancong.

Tetapi kini, segala maklumat yang diperlukan boleh didapati dalam tempoh beberapa saat, hanya dengan menekan beberapa kata kunci di mesin carian telefon pintar, laptop dan perbagai alat komunikasi canggih yang lain. Bahkan, terdapat di kalangan peniaga makanan yang kaya raya hanya dengan meniru resepi yang diperolehi melalui internet dan youtube.

Namun, apakah google dan lain-lain search engine boleh berperanan menjadi guru kepada seseorang dalam kehidupan bergama?

Konsep ilmu dalam Islam

Seandainya ilmu itu hanya sekadar maklumat dan informasi, maka 'Sheikh Google' adalah jauh lebih berkemampuan berbanding seorang guru yang terhad daya ingatannya.

Namun, konsep ilmu dalam Islam bukan hanya sekadar maklumat dan informasi, tetapi terdapat nilai-nilai lain dalam penyajian ilmu antara guru dengan murid. Guru bukan hanya sekadar menyampaikan maklumat, tetapi memilih maklumat yang paling tepat untuk diamalkan.

Demikian juga, perilaku seorang guru sama ada ahlinya, tutur bicaranya, bahasa komunikasinya adalah suatu bentuk ilmu yang disampaikan dalam

bentuk praktikal kepada anak muridnya.

Murabbi seluruh umat manusia, nabi Muhammad SAW, bukan hanya mengajarkan al-Qur'an dari Jibril kepada para sahabatnya, sebaliknya menjadikan al-Qur'an ahlak perhiasan dirinya. Segala tuturkata, tindakan dan perbuatan nabi SAW adalah sumber ilmu kepada para sahabat baginda.

Adakah google menyampaikan ilmu?

Menarik kepentingan google dan lain-lain aplikasi sebagai medium penyampaian ilmu dan maklumat adalah tidak berpijak kepada realiti masa kini. Betapa banyak laman sesawang yang menyediakan koleksi-koleksi kuliah agama yang boleh menjadi panduan umat Islam. Bahkan, sesetengah institusi agama menyediakan ruangan soal jawab agama yang diambil oleh panel-panel bertaraf mufti. Fatwa-fatwa antarbangsa dari pelbagai negara juga disediakan untuk rujukan umat seluruh dunia.

Berdasarkan realiti ini, wajarlah google dijadikan sebagai seorang 'sheikh' atau 'guru' kepada mana-mana Muslim? Peringalangan wajar atau tidak adalah subjektif dan hanya terjawab berdasarkan penelitian terhadap siapa dan bagaimana medium google dimanfaatkan.

Tiga kategori mereka yang menjadikan google sebagai search engine dalam mendapatkan maklumat

Sekurang-kurangnya terdapat tiga golongan masyarakat Islam yang berinteraksi dengan internet berkaitan persoalan-persoalan agama.

Pertama: Golongan yang merujuk fatwa berkaitan isu-isu kontemporari melalui laman-laman sesawang mufti atau institusi agama seperti JAKIM, Jabatan-jabatan agama Islam negeri dan seumpamanya dengannya.

Misalnya, persoalan-persoalan semasa seperti hukum berinteraksi dengan urusiaga forex, perniagaan saham, status ajaran-ajaran sesat moden. Kebiasaan kajian-kajian terkini tidak semuanya dicetak dan dibincangkan di mimbar-mimbar masjid dan surau.

Oleh yang demikian, umat Islam memanfaatkan ruangan internet

untuk mendapatkan maklumat-maklumat demikian. Justeru, rujukan dengan cara sebegini tidak menjadi halangan, bahkan menjadi satu keperluan.

Kedua: Terdapat dalam kalangan masyarakat yang menjadikan google sebagai 'Tuan Guru' dan 'Sheikh' yang dijadikan pembimbing sepenuhnya. Apa sahaja persoalan agama, rujukan mereka adalah maklumat yang diperolehi dari internet.

Misalnya, apabila mereka terkeliur dengan perkara-perkara yang membatalkan solat, mereka terus sahaja mencari jawapannya melalui carian di google atau youtube tanpa merujuk kepada para guru dan ustaz yang mereka boleh berinteraksi secara dua hala. Sikap sebegini adalah berbahaya kerana tidak semua maklumat yang diperolehi dari carian google menepati fakta yang sebenarnya.

Sesiapa sahaja boleh menulis dalam dunia maya, tanpa perlu kepada latarbelakang ilmu yang jelas. Maka, perbuatan merujuk secara melulu terhadap segala permasalahan agama melalui carian google atau youtube dikuatkuhi meneruskan seseorang kepada kepincangan dalam pengalaman agama.

Ketiga: Manakala sebahagian masyarakat Islam lain, terutama golongan asatizah dan intelektual hanya menjadikan google sebagai medium carian untuk rujukan tambahan terhadap sesuatu masalah yang dikajinya.

Ini adalah kerana, kebanyakan sarjana Muslim seluruh dunia mempunyai pasukan tersendiri yang memaparkan fatwa-fatwa mereka di laman web yang boleh diakses dari serata dunia. Badan-badan fatwa seluruh dunia seperti Rabithah al-Islami, Ijtihad Fatwa Universiti al-Azhar juga mempunyai laman web tersendiri untuk rujukan seluruh umat Islam sedunia.

Laman sesawang syarikat percetakan kitab-kitab juga menyediakan kitab-kitab percuma dalam bentuk PDF untuk rujukan umat Islam seluruh dunia. Justeru, memanfaatkan ruangan internet dengan kaedah sebegini adalah sangat digalakkan.



Tidak dinafikan juga terdapat para asatizah yang memanfaatkan carian di google atau mana-mana aplikasi seumpamanya untuk mencari hadis-hadis, kata-kata para ulama, sebelum diujuk kepada sumber yang bercetak. Maka penggunaan dalam bentuk sebegini adalah wajar selagi mana memberi manfaat serta membantu mempercepatkan penyelidikan-penyelidikan ilmiah yang memberi faedah kepada masyarakat awam.

Kesimpulan

Setiap individu Muslim, seharusnya sedar kapabiliti dan keupayaan dirinya sebelum menjadikan internet sebagai medium untuk perambanan ilmu. Hakikat yang wajib diperakui ialah, carian google, laman sesawang, youtube semata-mata, tidak boleh menjadi pengganti kepada seorang guru yang mengajar ilmu dan pengalaman agama kepada umat Islam.

Perlakuan merujuk segala permasalahan agama kepada 'Sheikh Google' semata-mata bakal meniatijahkan kekeliruan kepada individu Muslim yang tiada latarbelakang pengajaran asas agama yang kukuh. Ini adalah kerana, jalan untuk mencapai kesempurnaan dalam ibadah hanya melalui bimbingan guru yang benar, serta membimbing pengalaman agama secara praktikal.

Namun, para intelektual Muslim sewajarnya memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat ini dengan memperkayanya sumber-sumber rujukan melalui penelitian terhadap makalah-makalah dan fatwa-fatwa terkini dari para sarjana Muslim dari seluruh dunia.

